

# PKM cuba nak aktif semula

KOTA BHARU, Khamis — Ketua Polis Negara Tan Sri Hanif Omar berkata, ada tanda-tanda menunjukkan Parti Komunis Malaya (PKM) khususnya pasukan induknya telah dapat membentuk semula infrastrukturnya di Selatan Thai yang telah dimusnahkan dalam operasi bersama Malaysia-Thai dalam tahun 70an.

Katanya, kini terbukti apabila penganas komunis menyerang hendak pasukan keselamatan di Kedah baru-baru ini dan juga di Batu 15, 17 dan Batu 20 Lebuhraya Timur-Barat.

Berikutan dengan itu, jelasnya, cadangan untuk mengadakan operasi bersama telah dikemukakan kepada pihak Thai di kawasan sempadan yang telah lama tidak diadakan.

"Adalah diharapkan gerakan lebih berkesan sama ada secara bersama dengan pihak Thai atau gerakan yang diselenggarakan dapat dijalankan dari masa ke semasa mengikut sasaran yang dikesan," tambahnya.

Bercakap dalam satu sidang akhbar di sini hari ini, Tan Sri Hanif berkata, Rejimen ke-12 PKM sedang bergiat di kawasan Betong, Rejimen ke-10 di Weng, Se-

latan Thai dan kumpulan Marxist-Leninist di Betong.

Katanya, Rejimen ke-10 menyebarkan risalah dengan banyak untuk memujuk orang-orang Melayu dan petani amnya supaya menyokong barisan bersatu menentang Kerajaan.

Tan Sri Hanif menegaskan, ini menunjukkan Rejimen itu telah dapat memulihkan semula infrastrukturnya dan dapat bergerak lebih berkesan dari pangkalan-pangkalan mereka di Selatan Thai.

Oleh itu, katanya, pasukan keselamatan dan rakyat patut berwaspada terhadap ancaman dari penganas komunis itu.

"Sekali lagi terbukti ianya merupakan ancaman jangka panjang yang tidak dapat dihapuskan sama sekali," tambah Tan Sri Hanif.

Bagaimanapun, jelasnya, keadaan keselamatan di Kelantan masih terkawal kerana tidak ada tanda pihak komunis bertapak atau berkembang melainkan Unit Penggempur Ketujuh di Bahagian Timur dan Unit Penggempur ke 17 Gua Musang.

Di samping itu, jelasnya kadar pertumbuhan kejadian jenayah di Kelantan juga dikatakan paling rendah di negara ini.